

Hanya mahu laga Dr. Mahathir, Anwar

ALOR SETAR 21 Mei - Parti Amanah Negara (Amanah) menyifatkan dakwaan kononnya Perdana Menteri akan membubarkan Parlimen tahun depan sebagai usaha melaga-lagakan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Naib Presidennya, Datuk Mahfuz Omar berkata, tiada keperluan untuk membubarkan Parlimen kerana kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak berdepan sebarang permasalahan pentadbiran sepanjang setahun ini.

Beliau juga percaya Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) akan diadakan apabila sampai tempoh dan Dr. Mahathir pula akan menyerahkan jawatannya kepada Anwar mengikut perjanjian sebelum ini.

"Bukan ada masalah apa pun sehingga perlu bubar, ini hanya permainan politik pembangkang yang kononnya mendakwa PRU-15 akan diadakan tahun depan bagi mengelak Anwar menjadi Perdana Menteri.

"Sebenarnya, mereka hanya mahu melaga-lagakan Dr. Mahathir dan Anwar dalam isu tersebut," katanya selepas majlis terbuka puasa bersama ahli



MAHFUZ OMAR beramah mesra dengan petugas media dalam majlis berbuka puasa di Alor Setar, semalam. - BERNAMA

Kelab Media Elit Kedah (KMEK) di sini malam tadi.

Sebelum ini, pelbagai pihak termasuk dalam kalangan kepimpinan pembangkang menjangkakan PRU-15 akan diadakan pada bila-bila masa dan seawal tahun depan berikutan desakan rakyat.

Dalam pada itu, Mahfuz yang juga Timbalan Menteri Sumber Manusia bersimpati terhadap ahli Pas yang jujur dalam perjuangan berikutan parti itu kini berada dalam kemunafikan politik selepas diperalat demi

kepentingan kepimpinan-nya.

Sebagai antara bekas pemimpin Pas, Mahfuz memahami sikap ahli parti itu yang sebenarnya mudah ditipu termasuk dalam isu 'kartel dedak' seperti yang didedahkan menantu Presiden parti itu sendiri.

"Ramai ahli Pas termakan dengan penafian kepimpinan parti itu selepas pendedahan oleh Zaharudin Muhammad mengenai berlaku penerimaan dana daripada UMNO kepada pemimpin Pas," ujarnya.